

*Arahan Am:* Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan iaitu **A, B, C, dan D**. Antaranya, ada **satu** sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan itu. Kemudian, tandakan jawapan kamu dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.


### Soalan 1 hingga Soalan 21

*Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.*

1. Sultan Mahmud sedang bersantap . \_\_\_\_\_ suka makan ikan dengan kuah Asam.

- A. Baginda
- B. Mereka
- C. Dia
- D. Beliau

Soalan 2 berdasarkan gambar 1




Gambar 1

2. Nenek Zaleha menjahit baju itu dengan \_\_\_\_\_

- A. lambat
- B. gopoh
- C. teliti
- D. kuat

Soalan 3 berdasarkan gambar 2



Gambar 2

3. Pak Cik Zamri sedang \_\_\_\_\_ ikan di tepi sungai.
- A. memukat
  - B. menjala
  - C. menebar
  - D. memancing
4. Buku cerita yang baru diterbitkan itu sesuai \_\_\_\_\_ kanak-kanak berusia tujuh tahun.
- A. daripada
  - B. kepada
  - C. untuk
  - D. dari
5. Air Sungai Pahang menjadi \_\_\_\_\_ selepas hujan lebat pada petang semalam.
- A. gelap
  - B. keruh
  - C. jernih
  - D. kabur

Soalan 6 hingga 7 berdasarkan gambar 3



Gambar 3

6. Pak Cik Samad sedang \_\_\_\_\_ buah kelapa yang diminta oleh pelanggannya.

- A. memotong
- B. membelah
- C. memarut
- D. menghiris

7. Dia perlu \_\_\_\_\_ supaya tangannya tidak cedera.

- A. berangan
- B. berwaspada
- C. bersopan
- D. bersedia

8. \_\_\_\_\_ penduduk kampung diarahkan berpindah ke kawasan perumahan yang baru dibina.

- A. Setiap
- B. Segala
- C. Semua
- D. Setengah

9. Ai Ling memakai \_\_\_\_\_ semasa mengikuti kelas renang.
- A. baju sukan
  - B. baju renang
  - C. baju kemeja
  - D. baju hujan
10. Siew Ling makan buah tembikai \_\_\_\_\_ makan nasi.
- A. lalu
  - B. sambil
  - C. selepas
  - D. sementara
11. Keterangan saksi kes rompakan itu \_\_\_\_\_ dan mengelirukan hakim.
- A. bersusun-susun
  - B. berduyun-duyun
  - C. berbelit-belit
  - D. bertolak-tolak
12. ” \_\_\_\_\_ , ambil tuala ini dan pergi mandi sekarang juga !”  
kata Puan Eng kepada anaknya.
- A. Nah
  - B. Cih
  - C. Eh
  - D. Amboi

13. Pak Cik Koh \_\_\_\_\_ untuk menyara keluarganya yang sebanyak lapan orang itu .
- A. mandi peluh
  - B. mandi kerbau
  - C. titik peluh
  - D. buah tangan


Soalan 14 berdasarkan gambar 4



Gambar 4

14. ” \_\_\_\_\_ harga kasut yang berwarna merah jambu itu?” tanya Susan kepada jurujual itu.
- A. Siapakah
  - B. Berapakah
  - C. Di manakah
  - D. Bagaimanakah


Soalan 15 berdasarkan gambar 5



Gambar 5

15. Kuih-muih yang disediakan oleh nenek sungguh \_\_\_\_\_
- A. baik
  - B. lazat
  - C. segar
  - D. bagus
16. Di \_\_\_\_\_ hutan itu terdapat dusun durian kepunyaan Pak Cik Zul.
- A. atas
  - B. celah
  - C. dalam
  - D. pinggir


Soalan 17 berdasarkan gambar 6



Gambar 6

17. Ayah tidak suka \_\_\_\_\_ dalam pergaduhan antara saya dengan kakak.
- A. cepat tangan
  - B. ringan tulang
  - C. bekas tangan
  - D. campur tangan


Soalan 18 berdasarkan gambar 7



Gambar 7

18. Penjual sate itu telah membakar beberapa \_\_\_\_\_ sate ayam dan daging.
- A. batang
  - B. cawan
  - C. cucuk
  - D. cebis

Soalan 19 berdasarkan gambar 8



Gambar 8

19. Zamri bagai \_\_\_\_\_ semasa berada di Hotel Hilson untuk menghadiri majlis minum petang anjuran syarikatnya.

- A. rusa masuk kampung
- B. kacang lupakan kulit
- C. ayam berak kapur
- D. telur di hujung tanduk

20. Lori itu mengalami \_\_\_\_\_ kerana dilanggar oleh sebuah bas dari arah belakang.

- A. merosakkan
- B. kerosakan
- C. dirosakkan
- D. terosakkan



21. Aktiviti \_\_\_\_\_ di tempat terbuka menyebabkan berlakunya pencemaran udara.

- A. pembakaran
- B. kebakaran
- C. dibakar
- D. terbakar

Soalan 22

Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang bergaris.

22. Rama memimpin wanita buta itu melintas jalan.

- A. meredah
- B. menyeberang
- C. merangkak
- D. memotong


Soalan 23

Pilih perkataan berlawanan bagi perkataan yang bergaris.

23. Buku-buku di perpustakaan sekolah saya tersusun kemas .

- A. kusut
- B. tersepah
- C. rapi
- D. jarang

Soalan 24 berdasarkan gambar 9



Gambar 9

- 24 . Azmi membaling beberapa biji batu yang diberi oleh Raju ke dalam kolam.
- A. Azmi membaling batu ke dalam kolam kerana tidak diberikan oleh Raju.
  - B. Beberapa biji batu yang diberikan oleh Azmi dibaling oleh Raju ke dalam kolam.
  - C. Beberapa biji batu yang diberikan oleh Raju dibaling oleh Azmi ke dalam kolam.
  - D. Azmi dan Raju membaling batu ke dalam kolam kerana tidak diberi mereka.

Soalan 25

Pilih ayat tanya yang betul bagi jawapan yang diberikan.

25. Mereka berkumpul di dewan pada setiap hari Isnin.
- A. Siapakah yang mengarahkan mereka berkumpul di dewan ?
  - B. Mengapakah mereka berkumpul di dewan?
  - C. Bilakah mereka berkumpul di dewan.
  - D. Bagaimanakah mereka berkumpul di dewan?

Soalan 26 hingga 27

Pilih ayat yang betul

26. A. Sudah lama saya ingin ke sana.  
B. Pintu rumah itu mengunci dari dalam.  
C. Lampu itu saya akan tutup sebentar lagi.  
D. Harga sepotong roti canai ini ialah 80 sen .
- 27 A. Kakak menyusun rumah dan biliknya supaya menjadi kemas dan cantik.  
B. Buku itu telah dikoyakkan oleh adik saya ketika saya tiada di rumah.  
C. Pen biru itu terjatuh dan dakwatnya terputus.  
D. Anuar malas sungguhpun dia rajin.

Soalan 28

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

28. ” Jemputlah minum air kopi ini , ” pelawa Puan Lim kepada tetamunya.
- A. Puan Lim melarang tetamunya minum air kopi.  
B. Puan Lim dan tetamunya dipelawa minum air kopi.  
C. Puan Lim mempelawa tetamunya minum air kopi itu.  
D. Air kopi mempelawa Puan Lim dan tetamunya minum.

Soalan 29 hingga 30

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan yang bergaris dengan betul**.

29. I Pinggan mangkuk itu disusun rapi oleh pembantu rumah.  
II Bangunan itu disusun antara buku-buku bank.  
III Buku-buku itu telah disusun oleh pustakawan sekolah.  
IV Murid-murid disusun sebelum pulang ke rumah.
- A. I dan II sahaja  
B. II dan III sahaja  
C. III dan IV sahaja  
D. I dan III sahaja
30. I Dia naik basikal ke kedai.  
II Air sungai itu naik hingga ke tebing.  
III Ayah naik darah apabila melihat barang-barangnya berselerak.  
IV Salina telah naik menara gading
- A. I dan II sahaja  
B. II dan III sahaja  
C. I,II dan III sahaja  
D. II, III dan IV sahaja

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

**Laporan Kekalahan Pasukan Bola Sepak SJK ( C ) Kuala Pahang**  
**Dalam Kejohanan Bola Sepak Bawah 12 Tahun**  
**Majlis Sukan Sekolah - Sekolah Malaysia, Daerah Pekan.**

Pada 20 Mac 2007 , pasukan Bola Sepak dari sekolah ini telah menyertai Kejohanan Bola Sepak, Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia, Daerah Pekan.

Kejohanan itu telah diadakan di Padang Majlis Daerah Pekan . Dalam Kejohanan itu, pasukan bola sepak sekolah ini kalah teruk ketika menentang pasukan Sekolah Kebangsaan Amad. Pasukan ini sekali lagi menerima kekalahan ketika menentang pasukan bola sepak Sekolah Kebangsaan Kampung Acheh.

Kekalahan demi kekalahan yang diterima itu telah memberi satu tamparan yang hebat kepada pasukan bola sepak SJK ( C ) Kuala Pahang. Satu mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan punca kemerosotan pasukan bola sepak sekolah ini. Mesyuarat itu telah dipengerusikan oleh Cikgu Idris , guru penasihat pasukan sekolah ini.

Keputusan mesyuarat itu mendapati bahawa terdapat tiga sebab utama kemerosotan pasukan bola sepak sekolah ini, iaitu :

1. Pemain kurang menunjukkan semangat kesukanan.
2. Tiada persefahaman antara pemain dalam pasukan.
3. Tiada persediaan rapi pihak sekolah dan pemain.

Ekoran itu, pemain telah dinasihati supaya mengadakan latihan yang giat sebagai persediaan untuk menyertai kejohanan-kejohanan lain pada masa akan datang . Pemain juga dinasihatkan supaya mengadakan hubungan baik dengan jurulatih dan sesama ahli dalam pasukan.

Akhir sekali, pemain-pemain bola sepak disarankan supaya meningkatkan lagi mutu sukan sekolah .

Disediakan oleh ,

25 MAC 2007

**LEE HOU YEE**

.....

( LEE HOU YI)

Ketua Pasukan Bola Sepak  
SJK ( C ) Kuala Pahang, Pekan.

31. Laporan di atas adalah tentang
- A. Kejohanan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah.
  - B. penyertaan sekolah dalam kejohanan bola sepak
  - C. punca kemerosotan pasukan bola sepak.
  - D. kekalahan pasukan bola sepak.
32. SJK ( C ) Kuala Pahang telah bertemu dengan sekolah mana pada pertama kalinya?.
- A. Sekolah Kebangsaan Ahmad
  - B. Sekolah Kebangsaan Pekan
  - C. Semua sekolah daerah Pekan
  - D. Sekolah Kebangsaan Kampung Acheh.
33. Apakah tugas Lee Hou Yi ?
- A. Menyediakan minuman semasa latihan bola sepak.
  - B. Menjadi ketua pasukan yang bertanggungjawab.
  - C. Menjadi setiausaha yang baik.
  - D. mengadil setiap perlawanan.
34. Mengapakah satu mesyuarat telah diadakan oleh Pasukan Bola Sepak SJK ( C ) Kuala Pahang ?
- A. Melantik Cikgu Idris sebagai guru pelatih.
  - B. Membincangkan punca kemerosotan pasukan bola sepak
  - C. Lee Hou Yi bercadang untuk membentangkan laporan yang telah disiapkan.
  - D. Membincang kaunseling yang patut diberikan kepada para pemain.
35. Semua berikut ialah punca kemerosotan permainan bola sepak sekolah tersebut, **kecuali**
- A. masih memakai jersi lama yang kurang menarik.
  - B. kurang semangat kesukanan dalam pasukan.
  - C. tiada persediaan sebelum perlawanan.
  - D. para pemain tiada persefahaman.

Soalan 36 hingga soalan 40

Baca syarahan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi Majlis, panel hakim, guru-guru serta hadirin yang dihormati. Pada hari ini, saya akan menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk “ Membaca Kunci Kejayaan “.

Membaca merupakan kegiatan yang berfeadah bagi mengisi masa lapang. Kini ,pelbagai bahan bacaan boleh didapati dengan mudah di pasaran seperti majalah ,surat khabar, dan buku cerita. Melalui pembacaan, kita akan memperoleh banyak ilmu pengetahuan. Pada masa kini, bahan bacaan bukan sahaja terhad kepada bahan cetak malahan melalui media elektronik seperti internet. Kegiatan membaca bukan sahaja digalakkan kepada golongan kanak-kanak malahan juga golongan dewasa.

Para hadirin,

Sesiapa yang suka membaca pasti akan beroleh kejayaan . Ini kerana melalui pembacaan kita akan memperoleh pelbagai maklumat dan informasi yang dapat menjana pemikiran. Kita juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan melalui pembacaan. Banyak tokoh ilmunan yang berjaya berpendapat bahawa membaca adalah kunci kejayaan.

Dewasa ini amalan membaca semakin berkurangan disebabkan pelbagai faktor. Kita sebagai manusia yang inginkan kejayaan haruslah menghidupkan semula amalan membaca. Kempen membaca patut digiatkan untuk menjamin masyarakat berilmu pengetahuan tinggi dan dapat bersaing dalam era globalisasi. Selain itu, pameran buku jualan buku hendaklah sentiasa diadakan untuk memudahkan masyarakat mendapat bahan bacaan yang berkualiti.

Sebelum saya mengundur diri, ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa membaca adalah kunci kepada kkejayaan. Jadikanlah amalan membaca sebahagiandaripada kehidupan kita. Saya akhiri syarahan saya dengan ucapan terima kasih.

36. Apakah kegiatan yang berfaedah untuk mengisi masa lapang ?

- A. Tidur
- B. Bermain
- C. Membaca
- D. Bersyarah

37. Siapakah yang sepatutnya membaca ?

- A. Orang dewasa sahaja
- B. Kanak-kanak sekolah
- C. Orang yang bekerja
- D. Semua orang.

38. Mengapakah amalan membaca dikatakan dapat menjamin kejayaan ?

- A. Melalui amalan membaca, seseorang itu dapat menjawab semua soalan.
- B. Melalui amalan membaca, seseorang itu dapat menjana pemikiran.
- C. Melalui amalan membaca, seseorang itu dapat pelbagai informasi.
- D. Melalui amalan membaca, seseorang itu mendapat pelbagai maklumat dan informasi untuk menjana pemikiran.

39. Apakah yang harus dilakukan untuk menghidupkan semula amalan membaca ?

- A. Jualan buku
- B. Pameran buku
- C. Kempen membaca
- D. Kempen dan pameran buku.

40. Mengapakah pameran buku hendaklah sentiasa diadakan ?

- A. Memudahkan ibu bapa membeli buku.
- B. Memudahkan masyarakat mendapat bahan bacaan.
- C. Memudahkan golongan remaja mendapatkan majalah hiburan
- D. Memudahkan murid sekolah mendapat buku latihan tambahan.

### KERTAS SOALAN TAMAT